

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXVIII)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

1. Nyatakan langkah penguatkuasaan dan cara penyelesaian jangka panjang untuk mengatasi isu lembu berkeliaran tanpa pengawasan di kawasan awam dan taman perumahan yang telah menimbulkan kacau ganggu terhadap keselamatan pengguna jalan raya dan persekitaran.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Kerajaan Negeri Pulau Pinang memandang serius isu lembu yang berkeliaran di kawasan awam, perumahan dan laluan trafik, khususnya di kawasan yang dikenal pasti sebagai *hotspot*. Aduan awam yang berterusan mengenai ancaman keselamatan dan kebersihan akibat haiwan ternakan ini telah mendorong Kerajaan Negeri, melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk melaksanakan beberapa langkah penguatkuasaan seperti berikut:

- (a) Langkah Penguatkuasaan Jangka Pendek
  - (i) Operasi Tangkapan dan Sitaan

Pihak MBPP dan MBSP telah melaksanakan operasi tangkapan terhadap lembu yang dibiarkan lepas bebas di bawah peruntukan Undang-Undang Kecil (Lembu-Kerbau) Bandaraya George Town, Pulau Pinang, 1968 dan Undang-Undang Kecil (Lembu-Kerbau) Majlis Daerah Luar Bandar, Pulau Pinang, 1972. Haiwan

yang ditangkap disita sebagai langkah kawalan serta memberi pengajaran kepada pemilik.

(ii) Peningkatan Rondaan di Kawasan *Hotspot*

Rondaan berkala dilakukan di lokasi yang sering menerima aduan, bagi memastikan tiada haiwan ternakan berkeliaran dan mengganggu keselamatan serta kesejahteraan komuniti setempat.

(iii) Penguatkuasaan Denda dan Tindakan Lanjutan

Denda RM1,000.00 dikenakan bagi kesalahan pertama dan bagi kesalahan berulang, lembu yang disita tidak akan dikembalikan, sebaliknya akan dilupuskan melalui proses lelongan awam yang sah.

(b) Langkah Penguatkuasaan Jangka Panjang

(i) Cadangan Pembinaan Kandang Ternakan Berpusat Pihak MBPP dan MBSP merancang untuk membangunkan kandang ternakan berpusat di atas tanah kerajaan yang sesuai bagi menempatkan haiwan ternakan secara sistematik dan terkawal.

(ii) Program Pendidikan dan Kesedaran Kepada Penternak Pihak MBPP dan MBSP juga bekerjasama dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) untuk menjalankan program kesedaran dan khidmat nasihat kepada penternak mengenai kepentingan pemantauan dan pematuhan undang-undang.

(iii) Cadangan Penggubalan Enakmen Pengawalan Ternakan MBPP mencadangkan kepada pihak JPV untuk merangka satu Enakmen Negeri khusus berkaitan kawalan lembu dan kerbau sebagai penyelesaian jangka panjang yang lebih menyeluruh.

Langkah-langkah ini dijangka dapat mengurangkan insiden lembu berkeliaran secara berkesan, sekaligus meningkatkan tahap keselamatan, kesihatan awam dan imej persekitaran bandar yang bersih dan teratur.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXVIII)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

2. Berikan jumlah pendaratan ikan di setiap daerah (Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Utara, Tengah dan Selatan) bagi setiap bulan dari tahun 2023 hingga 2024.

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Jumlah pendaratan ikan di Negeri Pulau Pinang dari tahun 2023 sehingga 2024 adalah seperti jadual di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

JUMLAH PENDARATAN IKAN DI NEGERI PULAU PINANG  
TAHUN 2023 SEHINGGA 2024

Bulan	Timur Laut/ Barat Daya (tan metrik)	Timur Laut/ Barat Daya (tan metrik)	Seberang Perai (tan metrik)	Seberang Perai (tan metrik)
	2023	2024	2023	2024
Januari	941.97	711.65	1,814.01	2,337.93
Februari	1,468.74	914.84	2,273.05	4,414.99
Mac	1,630.93	1,247.54	1,720.66	4,095.79
April	1,327.90	1,265.77	1,908.68	3,640.82
Mei	1,364.55	1,476.28	1,393.97	1,527.53
Jun	1,446.47	1,254.26	1,917.98	1,709.93
Julai	1,529.84	1,025.36	2,467.81	1,359.20
Ogos	1,352.21	1,097.97	1,845.99	1,345.57
September	1,314.91	855.83	1,385.22	1,407.71
Oktober	1,396.11	1,174.56	1,416.89	1,492.01
November	1,349.97	1,040.74	2,046.95	1,453.30
Disember	1,280.84	1,129.10	1,630.59	1,406.82
<b>Jumlah</b>	<b>16,404.44</b>	<b>13,193.90</b>	<b>21,821.80</b>	<b>26,191.60</b>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXVIII)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

3. Nyatakan jumlah pendaratan udang di setiap daerah (Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Utara, Tengah dan Selatan) bagi setiap bulan dari tahun 2023 hingga 2024.

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Jumlah pendaratan udang di Negeri Pulau Pinang dari tahun 2023 sehingga 2024 tidak diberikan mengikut bulan kerana jumlah pendaratan tidak direkod berdasarkan bulan. Jumlah pendaratan udang adalah seperti jadual berikut:

<b>Daerah / Tahun</b>	<b>2023</b>	<b>2024</b>
<b>Timur Laut (tan metrik)</b>	984.65	213.74
<b>Barat Daya (tan metrik)</b>		628.34
<b>Seberang Perai Utara (tan metrik)</b>	1035.70	483.02
<b>Seberang Perai Tengah (tan metrik)</b>		70.57
<b>Seberang Perai Selatan (tan metrik)</b>		492.72
<b>Jumlah (tan metrik)</b>	<b>2020.35</b>	<b>1888.41</b>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXVIII)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

4. Nyatakan perancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan tarikan dan 'hiburan malam hari' (tempat hiburan tersebut termasuk pub, kelab, bar, muzik di hadapan penonton, konsert dan teater) dalam negeri supaya dapat bersaing dengan lokasi seperti Kuala Lumpur, Phuket dan Koh Samui yang berjaya menarik ramai pelancong asing dan domestik.

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Pulau Pinang ialah destinasi popular untuk dikunjungi kerana pemandangan pantai yang cantik dan tapak bersejarahnya yang menakjubkan serta sangat dikenali dengan gelaran syurga makanan. Negeri Pulau Pinang atau dikenali sebagai *Pearl of the Orient* juga menawarkan pelbagai tarikan pada waktu malam untuk dinikmati pengunjung termasuk lampu bandar yang mempesonakan, restoran-restoran menarik dan kepelbagaian budaya yang menarik ramai pelancong ke negeri ini.

Sektor pelancongan merupakan antara penyumbang terpenting kepada ekonomi Negeri Pulau Pinang. Sumbangan sektor ini penting kerana ia sangat berkait rapat dan memberi impak secara tidak langsung kepada beberapa subsektor yang lain seperti sektor penjajaan, perkhidmatan pengangkutan, peruncitan, perkhidmatan kewangan, dan percetakan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam meningkatkan usaha bagi memastikan sektor pelancongan terus menjadi antara penyumbang terpenting kepada ekonomi Pulau Pinang.

Pulau Pinang mempunyai keunikan identitinya sendiri melalui tarikan dan hiburan malam yang autentik tanpa perlu meniru gaya hiburan dari Phuket atau Koh Samui. Antara tarikan malam yang sangat popular dalam kalangan pelancong adalah seperti berikut:

- (a) Entopia by Night: Pelawat boleh menerokai dunia serangga dan kelip-kelip pada waktu malam, dalam suasana yang interaktif dan mendidik. Ia meletakkan Pulau Pinang sebagai pelopor dalam pelancongan alam sekitar malam hari;
- (b) The Habitat Penang Hill – *Starlight at The Rainforest*: Aktiviti malam yang menampilkan keindahan hutan hujan tropika lebih 130 juta tahun yang terletak dalam zon UNESCO Biosfera. Pengunjung boleh menikmati *canopy walk*, pandangan bintang, serta flora dan fauna malam yang unik. Suatu keunikan yang tidak terdapat di destinasi lain di rantau ini;
- (c) Ferringhi Bay Night Vibes: Merencanakan kawasan pantai Batu Ferringhi dengan pelbagai aktiviti malam seperti pasar seni, persembahan muzik akustik, bar tepi laut, dan konsep *night beach garden* yang mesra keluarga dan pelancong; dan
- (d) *Nightlife in George Town*: Terdapat aktiviti hiburan malam termasuk pelbagai jenis pub, kelab, bar dan persembahan *busking* di tepi jalan serta penjaja makanan di sekitar kawasan George Town yang menjanjikan pengalaman yang menarik buat pelancong yang datang ke kawasan ini.

Justeru, tarikan dan aktiviti hiburan malam sedia ada telah memberikan pengalaman yang menakjubkan bagi semua pelancong asing dan domestik yang datang ke negeri ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa memberikan komitmen berterusan dalam mengambil inisiatif untuk memperkenalkan keindahan negeri ini di persada antarabangsa supaya sektor pelancongan ini boleh berkembang dengan lebih luas dan dapat menjana ekonomi rakyat secara tidak langsung.

Usaha-usaha yang telah diambil oleh pihak Kerajaan Negeri melalui Penang Global Tourism adalah seperti berikut:

- (a) Promosi bersepadu destinasi pelancongan Pulau Pinang dilaksanakan secara menyeluruh melalui pelbagai saluran digital dan kerjasama strategik dengan agensi pelancongan

dalam dan luar negara. Antara pendekatan utama termasuklah pelaksanaan kempen digital bersama rakan kongsi seperti AirAsia, Juneyao Airlines, Qatar Airways, Klook, dan Trip.com yang menyasarkan pasaran serantau dan antarabangsa. Melalui kerjasama ini, pakej pelancongan dan promosi dapat dilakukan secara khusus bagi menarik lebih ramai pelancong ke negeri ini.

- (b) Menghasilkan dan mengedarkan pelbagai video promosi yang menonjolkan keunikan kehidupan malam dan tarikan pelancongan di Pulau Pinang. Video-video tersebut juga diterjemahkan kepada bahasa-bahasa asing seperti Bahasa Indonesia, Bahasa Thai, Bahasa Jepun dan Bahasa Korea. Video-video ini telah dikongsi secara meluas di platform media sosial serta saluran promosi digital lain merangkumi pasaran tempatan dan antarabangsa.
- (c) Penerbitan risalah dalam 14 jenis bahasa, iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin, Bahasa Perancis, Bahasa Indonesia, Bahasa Jepun, Bahasa Tamil, Bahasa Cina Ringkas, Bahasa Cina Tradisional, Bahasa Arab, Bahasa Korea, Bahasa Thai, Bahasa Vietnam, Bahasa Jerman dan Bahasa Sepanyol. Ini bukan sahaja meningkatkan pendedahan jenama destinasi, malah memperkukuh kedudukan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan utama di rantau ini.
- (d) Menyokong aktiviti penggambaran filem dan produksi kreatif di Negeri Pulau Pinang sebagai sebahagian daripada strategi mempromosikan negeri ini melalui media visual. Antara contoh terkini ialah penggambaran filem "Yin Ni Er Lai 2" dari China yang berlangsung di beberapa lokasi ikonik di Pulau Pinang sekaligus memberikan liputan tambahan kepada destinasi melalui tayangan filem tersebut di pasaran Asia.

Bagi aktiviti hiburan malam, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) khususnya telah memudahcara urusan permohonan lesen perniagaan PBT dan lesen hiburan awam dengan Platform Permohonan Lesen Secara Atas Talian yang merupakan satu *platform* permohonan lesen secara dalam talian yang bersifat praktikal serta efisien yang bertujuan memudahkan proses permohonan lesen.

Selain itu, pendekatan yang lebih menyeluruh perlu diambil bagi kawasan George Town yang menjadi tumpuan aktiviti hiburan malam buat pelancong asing dan domestik. Sehubungan dengan itu, pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah membantu para pengusaha dan operator perniagaan hiburan awam dengan melaksanakan beberapa inisiatif seperti berikut:

- (a) Pengeluaran Lesen Moratorium untuk Industri Hiburan: Pengeluaran lesen moratorium kepada penggiat industri hiburan adalah suatu langkah strategik bagi memberi kelonggaran dan sokongan kepada golongan pengusaha hiburan. Ini bukan sahaja dapat menggalakkan kepada aktiviti hiburan malam, malahan ia juga dapat mewujudkan suasana yang lebih meriah di lokasi tumpuan pelancong, khususnya di dalam kawasan Tapak Warisan Dunia. Langkah ini sekaligus dapat memberi peluang kepada industri hiburan untuk berkembang dengan lebih fleksibel;
- (b) Melanjutkan Waktu Operasi Hiburan Malam: Melanjutkan waktu operasi hiburan malam dipercayai dapat memberi lebih banyak pilihan kepada golongan pelancong dan penduduk tempatan untuk menikmati pelbagai jenis hiburan pada waktu malam. Ini akan merancakkan ekonomi tempatan dengan menarik lebih ramai pengunjung ke destinasi pelancongan utama; dan
- (c) Garis Panduan Permit Persembahan Seni Jalanan (*Busking*): Pengeluaran Garis Panduan Permit Persembahan Seni Jalanan merupakan suatu usaha bagi menyediakan *platform* yang lebih teratur dan sah kepada golongan pengusaha *busking*. Lokasi-lokasi tertentu yang ditetapkan untuk tujuan persembahan dapat membolehkan artis tempatan serta luar untuk menonjolkan bakat mereka, sekaligus dapat memperkaya serta merancakkan suasana di tempat tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXVIII)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

5. Nyatakan tindakan yang boleh diambil oleh PBT atau Kerajaan Negeri terhadap projek sakit pembangunan swasta, yang pembinaannya telah berhenti melebihi 12 bulan dan ke atas.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Projek sakit swasta adalah merujuk kepada sesebuah projek pembangunan yang dirancang, dibiayai dan dilaksanakan oleh syarikat atau entiti bukan kerajaan yang gagal mencapai kemajuan seperti yang dijadualkan atau kelewatan ketara atau terhenti sepenuhnya disebabkan faktor-faktor tertentu. Tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke atas projek-projek sakit swasta adalah seperti berikut:
- (i) Mengeluarkan Notis Kacau ganggu di bawah Seksyen 87 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [AKTA 133] & Seksyen 82 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [AKTA 171] sekiranya terdapat aduan atau dibuktikan berlakunya kacau ganggu (nuisance) akibat daripada sesuatu projek pembangunan yang bermasalah dan sakit;
  - (ii) Memanjangkan aduan kepada pihak Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bagi tindakan tatatertib terhadap kontraktor yang terlibat seperti penggantungan lesen, penalti atau membatalkan pendaftaran di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 [AKTA 520] sekiranya terdapat aduan oleh mana-mana pihak yang berkepentingan berkaitan projek sakit swasta yang terlibat;

- (iii) Mengadakan rundingan bersama pihak pelikuidasi dan penyelesaian (receiver) bagi mempercepatkan pelantikan pemaju penyelamat (white knight) bagi projek-projek perumahan yang bermasalah/sakit;
- (iv) Mengadakan rundingan bersama pihak pemaju dan pemantauan berkala bagi projek-projek perumahan dan swasta dengan penglibatan pihak KPKT; dan
- (v) Membantu dan memudah cara pemaju/ perunding dalam aspek teknikal yang melibatkan syarat-syarat kelulusan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXVIII)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

6. Nyatakan jumlah peruntukan Kerajaan Negeri yang telah diberikan kepada setiap jenis sekolah dalam negeri dari tahun 2023 hingga 2024.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Peruntukan kewangan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada sekolah vernakular Cina, Tamil, sekolah mubaligh dan sekolah agama dari tahun 2023 hingga 2024 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

**LAMPIRAN A****PERUNTUKAN YANG DISALURKAN KEPADA SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN  
CINA (SJKC), SEKOLAH MENENGAH JENIS KEBANGSAAN (SMJK), SEKOLAH  
MUBALIGH (SEK MUBALIGH)**

TAHUN	SJKC	SMJK	SEK MUBALIGH
	(RM)	(RM)	(RM)
2023	4,725,000.00	1,280,000.00	832,000.00
2024	5,119,000.00	1,140,000.00	741,000.00

**PERUNTUKAN YANG DISALURKAN KEPADA SEKOLAH MENENGAH CINA  
PERSENDIRIAN**

TAHUN	SM CINA PERSENDIRIAN
	(RM)
2023	2,000,000.00
2024	2,000,000.00

**PERUNTUKAN YANG DISALURKAN KEPADA SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN  
TAMIL (SJKT)**

TAHUN	SJKT
	(RM)
2023	2,300,000.00
2024	2,300,000.00

**PERUNTUKAN YANG DISALURKAN KEPADA SEKOLAH AGAMA RAKYAT  
(SAR) NEGERI PULAU PINANG**

TAHUN	SAR
	(RM)
2023	2,910,376.00
2024	3,200,000.00

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXVIII)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

7. Nyatakan jumlah peruntukan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang telah diberikan kepada setiap jenis rumah ibadat dalam negeri dari tahun 2023 hingga 2024.

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Berdasarkan rekod Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang, sejumlah **RM4,971,030.00** telah disalurkan kepada 125 buah Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) di bawah Tabung Amanah/ Peruntukan Khas Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Pulau Pinang.

Perincian peruntukan RIBI mengikut tahun adalah seperti berikut:-

<b>TAHUN</b>	<b>PERUNTUKAN</b>
2023	RM1,357,030.00 (28 RIBI)
2024	RM3,614,000.00 (97 RIBI)
<b>Jumlah Peruntukan</b>	<b>RM4,971,030.00 (125 RIBI)</b>

Perincian statistik peruntukan RIBI bagi tahun 2023 dan 2024 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

**STATISTIK PERUNTUKAN TABUNG AMANAH RUMAH IBADAT  
BUKAN ISLAM NEGERI PULAU PINANG BAGI TAHUN 2023 DAN  
2024**

<b>JENIS</b>	<b>2023</b>	<b>2024</b>	<b>JUMLAH KESELURUHAN (RIBI)</b>
Perkuburan Cina	-	-	0
Rumah Kongsi	4	5	9
Tokong Buddha	-	8	8
Tokong Tao	12	47	59
Kuil Hindu	10	20	30
Gereja	2	11	13
Gudwara	-	-	0
Lain-Lain	-	6	6
<b>JUMLAH</b>	<b>28</b>	<b>97</b>	<b>125</b>

<b>JENIS</b>	<b>2023 (RM)</b>	<b>2024 (RM)</b>	<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>
Perkuburan Cina	-	-	-
Lain-Lain	-	200,000.00	200,000.00
Rumah Kongsi	177,760.00	200,000.00	377,760.00
Tokong Buddha	-	330,000.00	330,000.00
Tokong Tao	600,000.00	1,730,000.00	2,330,000.00
Kuil Hindu	499,800.00	780,000.00	1,279,800.00
Gereja	79,470.00	374,000.00	453,470.00
Gurdwara	-	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>1,357,030.00</b>	<b>3,614,000.00</b>	<b>4,971,030.00</b>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXVIII)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

8. Nyatakan berapa buah unit rumah mampu milik telah siap dibina oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2023 dan 2024.
- (a) Berapa unit telah berjaya dijual sejak tahun 2023 dan 2024?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Penyediaan Rumah MutiaraKu (RMKu) yang sebelum ini dikenali sebagai Rumah Mampu Milik (RMM) merupakan salah satu agenda utama Kerajaan Negeri dalam memastikan keperluan perumahan rakyat Pulau Pinang sentiasa terpelihara. Usaha ini adalah sejajar dengan Visi Penang2030 di bawah Inisiatif Strategik A1: 'Menangani Isu Kemampuan dan Kepelbagaian Perumahan'.

Kerajaan Negeri menyasarkan pembekalan sebanyak 220,000 unit RMKu menjelang tahun 2030. Sehingga tarikh berakhir 20 April 2025, sasaran penyediaan unit RMKu telah mencapai 167,574 unit bersamaan dengan 76.17%.

Perincian mengikut kategori RMKu dan status pelaksanaan adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 1** berikut:

**Jadual 1:  
Pecahan Unit RMKu A, B dan C Mengikut Status Pelaksanaan  
(Siap Dibina, Dalam Pembinaan dan Dalam Perancangan)**

<b>JENIS RMKu / STATUS</b>	<b>SIAP DIBINA</b>	<b>PELBAGAI PERINGKAT PEMBINAAN</b>	<b>DALAM PERANCANGAN</b>
<b>RMKu A</b>	23,017	4,029	6,944
<b>RMKu B</b>	15,592	5,741	13,030
<b>RMKu C</b>	22,562	23,025	53,634
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>61,171</b>	<b>32,795</b>	<b>73,608</b>

Berdasarkan rekod yang diterima daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), sebanyak 382 unit RMKu telah memperoleh Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) bagi tahun 2023 dan 2024. Walau bagaimanapun, terdapat sebanyak 6,599 unit yang masih dalam peringkat pembinaan sepanjang tempoh yang sama.

Menurut data yang diperoleh melalui Sistem Maklumat Perumahan (SMP) Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP), sebanyak 1,211 unit telah berjaya dijual berdasarkan surat setuju terima yang telah diterima. Unit-unit ini melibatkan 45 skim perumahan di seluruh negeri.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXVIII)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

9. Nyatakan jumlah pelajar dan kos biasiswa yang telah diberikan melalui *Penang Future Foundation* (PFF) sejak permulaan program ini sehingga kini.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

9. Sejak dilancarkan pada tahun 2015, *Penang Future Foundation* (PFF) telah memberikan 805 biasiswa kepada pelajar Malaysia yang cemerlang dan layak. Biasiswa ini ditawarkan khusus kepada pelajar yang mengikuti pengajian dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), Perakaunan serta Kewangan di universiti awam dan swasta tempatan. Anggaran keseluruhan kos biasiswa yang diberikan sejak tahun 2015 adalah sebanyak RM44.5 juta.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXVIII)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

10. Nyatakan berapa penerima biasiswa *Penang Future Foundation* (PFF) yang sedang bekerja di Pulau Pinang dan berapa yang sedang bekerja di luar Malaysia.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

10. Berdasarkan rekod terkini, seramai 243 penerima biasiswa *Penang Future Foundation* (PFF) sedang melaksanakan bon perkhidmatan (service bond) dengan bekerja di syarikat multinasional dan perusahaan kecil dan sederhana di Pulau Pinang. PFF menetapkan bahawa semua penerima biasiswa diwajibkan untuk bekerja di Pulau Pinang antara satu (1) hingga lapan (8) tahun selepas tamat pengajian, di mana tempoh adalah bergantung kepada jumlah tajaan yang diterima.

Maklumat mengenai bilangan penerima biasiswa PFF yang kini bekerja di luar Malaysia selepas mereka telah tamat tempoh bon perkhidmatan tidak direkodkan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXVIII)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

11. Nyatakan langkah-langkah mengatasi peningkatan kes muflis dalam kalangan orang muda khususnya dalam membantu golongan belia yang terjejas untuk memulihkan kestabilan kewangan mereka.

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Kerajaan Negeri mengambil maklum isu khususnya kes muflis dalam kalangan belia. Pelbagai usaha akan terus dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri terutamanya dengan mengadakan program-program pengurusan kewangan kepada belia di negeri ini. Selain itu, program kerjasama dengan pihak Jabatan Insolvensi akan turut dilaksanakan bagi mendedahkan belia kepada bahaya muflis.

Bagi menangani isu peningkatan kes muflis ini, kerajaan juga telah meluluskan Akta Insolvensi (Pindaan) 2023, yang mula berkuat kuasa pada 6 Oktober 2023. Pindaan dan penambahbaikan yang dilaksanakan kepada Akta 360 melibatkan perkara-perkara yang berikut:

- (i) Penambahbaikan kepada pelepasan secara automatik;
- (ii) Penambahan dua (2) kategori bankrap yang boleh dilepaskan melalui sijil Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) tanpa melalui bantahan pemiutang;
- (iii) Pemansuhan kewajipan KPI untuk memanggil mesyuarat pemiutang pertama;

- (iv) Pelaksanaan mesyuarat pemiutang secara teknologi komunikasi jarak jauh;
- (v) Penghantaran notis dan dokumen dalam pentadbiran kebangkrapan secara komunikasi elektronik;
- (vi) Semakan semula nilai ke atas harta bankrap yang boleh dikecualikan daripada pembahagian dalam kalangan pemiutang; dan
- (vii) Semakan semula nilai bagi kelayakan pentadbiran ringkas.

Menerusi pindaan Akta ini, kategori atau syarat pelepasan bankrap diperluaskan dan terdapat kelayakan pelepasan kebangkrapan automatik.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXVIII)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

12. Nyatakan perancangan Kerajaan Negeri dalam menggunakan teknologi-teknologi baru untuk menguruskan sisa pepejal supaya mengurangkan pembuangan sampah di Pulau Burung.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah memulakan satu projek *Waste to Energy (WtE)* di Stesen Pemindahan Ampang Jajar. Projek ini dikenali sebagai *Integrated Solid Waste Management Centre (ISWMC)*.

ISWMC menggunakan teknologi *Non-Thermal Waste to Energy* bagi memproses sisa pepejal domestik. Sisa yang diterima akan melalui proses penyaringan untuk mengasingkan:

- (a) Sisa organik; dan
- (b) Sisa yang boleh dikitar semula.

Sisa organik yang diasingkan seterusnya akan diproses melalui kaedah *Anaerobic Digestion* bagi menghasilkan gas metana sebagai produk akhir. Gas metana ini akan disalurkan untuk kegunaan industri berdekatan.

Projek ini dijangka mula beroperasi sepenuhnya pada akhir bulan Jun 2025, dan merupakan salah satu inisiatif penting untuk mengurangkan kebergantungan kepada Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung (TPSPB) serta menyokong amalan pengurusan sisa pepejal yang lebih mampan.

Selain itu, sebagai langkah ke hadapan dalam menguruskan sisa pepejal secara mampan, pihak MBSP juga telah mencadangkan pembukaan *Request for Proposal* (RFP) bagi pelaksanaan projek WtE di TPSPB. Projek ini dirancang dengan mengambil kira komponen-komponen seperti berikut:

- (a) Pusat Pemprosesan Sisa Pepejal (*Mechanical and Biological Treatment*);

Kemudahan ini akan memproses sisa pepejal yang masuk ke TPSPB menggunakan teknologi mekanikal dan biologi bagi mengasingkan, memproses dan mengurangkan sisa sebelum pelupusan akhir.

- (b) Pembangunan Tapak Pelupusan Sampah Sanitari Tahap 4;

Pembinaan tapak pelupusan moden yang mematuhi spesifikasi sanitari terkini untuk mengawal pencemaran air bawah tanah dan udara serta mengurangkan pelepasan gas rumah hijau.

- (c) Pembinaan Pusat Rawatan Sisa Terjadual dan *Secured Landfill*;

- (i) Kemudahan khusus untuk merawat dan melupuskan sisa berjadual secara selamat dan mematuhi peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127).

- (ii) Termasuk *secured landfill* yang direka untuk sisa berisiko tinggi seperti *e-waste* dan bahan kimia industri.

- (d) Pelupusan Sisa *Sludge*, Cecair dan Sisa Khas (*Special Waste*); dan

- (i) Perkhidmatan khusus untuk melupuskan sisa cecair dan *sludge* yang berasal daripada loji rawatan kumbahan, industri makanan dan bahan kimia, dengan kawalan ketat terhadap pencemaran.

- (e) Pelupusan Sisa Binaan, Kebun, Pukal dan Sisa Korekan;

- (i) Penubuhan sistem pelupusan berasingan atau pemulihan bahan buangan dari sektor pembinaan dan penyelenggaraan landskap.

Cadangan pelaksanaan ini merupakan sebahagian daripada usaha MBSP untuk meningkatkan kecekapan pengurusan sisa, mengurangkan kebergantungan kepada pelupusan konvensional, serta menyokong peralihan kepada ekonomi kitaran dan karbon sifar di Negeri Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, sekiranya pengurusan sisa pepejal diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan melalui pelaksanaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672), maka segala perancangan dan pengurusan fasiliti sisa pepejal, termasuk projek ISWMC, akan diserahkan kepada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN).

Di bawah pelaksanaan Akta ini, Kerajaan Persekutuan akan bertanggungjawab menanggung peningkatan kos pengurusan sisa pepejal, termasuk pembangunan infrastruktur, operasi dan penyelenggaraan fasiliti yang berkaitan. Ini termasuk pelaksanaan teknologi baharu serta pelupusan sisa mengikut piawaian sanitari dan mesra alam.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXVIII)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

13. Nyatakan jumlah bilangan kamera litar tertutup (CCTV) yang berfungsi di seluruh Negeri Pulau Pinang mengikut setiap KADUN.
- (a) Sejauh manakah keberkesanannya dalam membantu mencegah jenayah, memandangkan kadar jenayah yang dilaporkan masih menunjukkan peningkatan?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Jumlah bilangan kamera litar tertutup (CCTV) yang berfungsi di seluruh Negeri Pulau Pinang mengikut setiap KADUN adalah seperti di **LAMPIRAN A** dan **LAMPIRAN B**.
- (a) Keberkesanan kamera litar tertutup (CCTV) dalam mencegah jenayah sering diperdebatkan terutama apabila kadar jenayah yang dilaporkan menunjukkan peningkatan. Di Pulau Pinang, data statistik dari tahun 2021 hingga 2024 memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai *trend* jenayah dan peranan CCTV dalam usaha pencegahan.

<b>Statistik Jenayah Pulau Pinang (2021–2024)</b>
<b>Tahun 2021</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Jumlah kes jenayah indeks:</b> 3,831 kes, penurunan 27.3% berbanding nilai ambang 5,269 kes.</li></ul>

<b>Statistik Jenayah Pulau Pinang (2021–2024)</b>	
<b>Tahun 2022</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Jumlah kes jenayah indeks:</b> 6,120 kes, penurunan 43.4% berbanding 2021. <ul style="list-style-type: none"> <li>◦ <b>Jenayah kekerasan:</b> 946 kes (penurunan 36.4%).</li> <li>◦ <b>Jenayah harta benda:</b> 2,517 kes (penurunan 45.7%).</li> </ul> </li> </ul>	
<b>Tahun 2023</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Kes penipuan dalam talian:</b> Meningkat 45% berbanding 2022, dengan 2,363 kes dilaporkan.</li> <li>• <b>Kes jenayah komersial:</b> Meningkat 82.7% berbanding tahun sebelumnya.</li> </ul>	
<b>Tahun 2024</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Jumlah kes jenayah:</b> 3,606 kes. <ul style="list-style-type: none"> <li>◦ <b>Kes diselesaikan:</b> 2,372 kes (65.8% penyelesaian).</li> <li>◦ <b>Peningkatan kes pecah rumah:</b> Terutamanya di daerah Seberang Perai Selatan, Seberang Perai Utara dan Timur Laut.</li> </ul> </li> </ul>	

Berdasarkan statistik yang dilaporkan, terdapat penurunan dalam beberapa kategori jenayah namun peningkatan kes penipuan dalam talian dan jenayah komersial menunjukkan bahawa teknik pencegahan tradisional mungkin kurang efektif dalam menangani jenayah siber. CCTV berperanan penting dalam pencegahan jenayah fizikal seperti kecurian dan vandalisme namun keberkesanannya dalam mencegah jenayah siber adalah terhad.

Justeru, CCTV memainkan peranan penting dalam pencegahan jenayah fizikal di Pulau Pinang. Namun,

peningkatan kes jenayah siber memerlukan pendekatan pencegahan yang berbeza, termasuk pendidikan digital dan penguatkuasaan undang-undang siber yang lebih ketat. Oleh itu, keberkesanan CCTV dalam mencegah jenayah bergantung kepada jenis jenayah dan strategi pencegahan yang digunakan.

## LAMPIRAN A

### JUMLAH KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) MENGIKUT DUN DI DI BAHAGIAN PULAU, PULAU PINANG

:

<b>BIL.</b>	<b>KADUN</b>	<b>BILANGAN CCTV (UNIT)</b>
1	Tanjong Bunga	131
2	Air Putih	13
3	Kebun Bunga	67
4	Pulau Tikus	67
4	Padang Kota	124
5	Pengkalan Kota	70
6	Komtar	122
7	Datok Keramat	37
8	Sungai Pinang	69
9	Batu Lancang	31
10	Seri Delima	41
11	Air Itam	28
12	Paya Terubong	72
13	Batu Uban	39
14	Pantai Jerejak	68
15	Batu Maung	83
16	Bayan Lepas	10
17	Pulau Betong	51
18	Telok Bahang	14
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>1,137</b>

**LAMPIRAN B****JUMLAH KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) MENGIKUT DUN DI BAHAGIAN SEBERANG PERAI, PULAU PINANG**

<b>BIL.</b>	<b>KADUN</b>	<b>BILANGAN CCTV (UNIT)</b>
1	Penaga	-
2	Bertam	10
3	Pinang Tunggai	19
4	Permatang Berangan	5
5	Sungai Dua	7
6	Telok Ayer Tawar	2
7	Sungai Puyu	15
8	Bagan Jermal	-
9	Bagan Dalam	26
10	Seberang Jaya	153
11	Permatang Pasir	4
12	Penanti	6
13	Berapit	4
14	Machang Bubuk	19
15	Padang Lalang	-
16	Perai	25
17	Bukit Tengah	30
18	Bukit Tambun	29
19	Jawi	16
20	Sungai Bakap	15
21	Sungai Acheh	3
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>388</b>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXVIII)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

14. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambah bilangan CCTV di tempat awam termasuk CCTV yang dilengkapi dengan teknologi pengecaman wajah (face recognition), bagi meningkatkan keberkesanan pemantauan dan keselamatan awam? Sekiranya ada, berapa unit CCTV akan dipasang pada tahun 2025 dan 2026?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meletakkan sasaran sebanyak 5000 unit kamera litar tertutup (CCTV) akan dipasang di negeri ini menjelang tahun 2030. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah memasang sebanyak 1,137 unit kamera CCTV di kawasan pentadbiran MBPP.

Bagi meningkatkan keberkesanan pemantauan dan keselamatan awam, 346 unit kamera CCTV tersebut akan dilengkapi dengan pelbagai program analitik pada tahun 2025 seperti berikut:-

- (i) Pengesanan nombor plat kenderaan;
- (ii) Pengiraan bilangan kenderaan;
- (iii) Peletakan kenderaan secara haram;
- (iv) Kesesakan lalu lintas;
- (v) Kemalangan jalan raya;
- (vi) Objek halangan; dan

(vii) Banjir.

Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah bercadang untuk menambah bilangan CCTV di tempat awam tidak termasuk CCTV yang dilengkapi dengan teknologi pengesanan wajah (*face recognition*). Walau bagaimanapun, *Artificial Intelligent* (AI) seperti pengesanan *illegal hawker*, *illegal dumping*, *plate number recognition* dan *vehicle recognition* akan dipasang untuk sistem CCTV MBSP bagi meningkatkan keberkesanan pemantauan dan keselamatan awam. Menjelang tahun 2025, dijangka sebanyak 100 unit CCTV baharu akan dipasang dan menjelang tahun 2026 sebanyak 512 unit CCTV baharu akan dipasang di kawasan pentadbiran MBSP.

Justeru, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sedang memberi tumpuan untuk menambah baik fungsi CCTV dengan jenis analitik video seperti yang telah disenaraikan. Kedua-dua pihak PBT tidak mempunyai perancangan untuk memasang kamera CCTV yang dilengkapi dengan program pengesanan wajah (*facial recognition*) di tempat awam kerana perkara itu akan melibatkan data sulit yang tidak dapat diakses oleh pihak PBT.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXVIII)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

15. Nyatakan berapa jumlah pelancong dari luar negara yang telah berkunjung ke Pulau Pinang pada tahun 2023 dan 2024.
- (a) Nyatakan kebanyakan pelancong asing dalam dua tahun ini datang daripada negara mana.

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Berdasarkan statistik pelancong yang menginap di hotel yang telah disediakan oleh Tourism Malaysia, jumlah pelancong asing adalah seramai 2,476,959 orang pada tahun 2023 dan 3,000,488 orang pada tahun 2024. Iaitu terdapat peningkatan sebanyak 21.1%
- (a) Lima (5) negara yang mencatatkan ketibaan antarabangsa tertinggi melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang pada tahun 2023 dan 2024 adalah Indonesia, Singapura, China, Taiwan dan Thailand.